



Click to listen to the songs.
Klik untuk mendengar lagu.

KATA PENGANTAR

Prolog

Setiap kali menyanyi atau mendengar lagu kebangsaan Singapura, 'Majulah Singapura', hati kita berdetak sedikit. Kita teringat masa silam kita dan juga masa hadapan, bukan sahaja mengenai diri dan orang di sekeliling kita tetapi juga negara yang kita cintai, Singapura.

Demikian juga perasaan kita apabila lagu 'Semoga Bahagia' beralun; semangat kita seakan dikobarkan agar kita lebih tabah dan tidak mengenal putus asa dalam mencapai cita-cita. Kita juga diingatkan bahawa dalam usaha-usaha sebegini, kita harus bersungguh-sungguh agar 'kita ada harga di mata dunia'. Dan orang yang mengingatkan kita akan hal-hal murni ini ialah penggubah lagu-lagu tersebut, Pak Zubir Said.

Latar Pak Zubir Said

Pak Zubir bin Mohamad Said lahir di desa Tilatang, Bukittinggi, Sumatera pada 22 Julai 1907. Berketurunan Minangkakau, beliau merupakan abang sulung kepada dua orang adik lelaki dan tiga orang adik perempuan. Bapanya seorang pegawai Belanda yang bekerja sebagai konduktor kereta api dan juga penghulu empat buah desa di Bukittinggi.

Pak Zubir mendapat pendidikan di sekolah Belanda selama 11 tahun sehingga peringkat sekolah menengah; bapanya ingin beliau bekerja sebagai askar atau pegawai dalam pentadbiran Belanda dan mewarisi tugasnya sebagai penghulu dan mengusahakan ladang mereka sendiri. Namun, Pak Zubir mempunyai cita-cita yang berbeza.

Sejak dari sekolah rendah Pak Zubir meminati muzik yang didorong guru muziknya. Pada usia 19 tahun, Pak Zubir terlibat dalam kumpulan keroncong dan menjadi ketuanya. Kumpulan ini menjelajah ke beberapa tempat di Sumatera. Beliau rajin belajar dan pandai bermain beberapa alat muzik semasa di Sumatera dan juga Singapura iaitu gitar, seruling, dram, biola, piano dan lain-lain. Kemudian, Pak Zubir membuat keputusan meninggalkan kampung halamannya dan mencuba nasib di Singapura.

Tarikan Singapura dan Kerjaya Pak Zubir

Singapura terkenal sebagai tempat tumpuan pelbagai bidang kehidupan – pendidikan, perniagaan, pusat penerbitan, kesenian dan sebagainya. Ramai yang berhijrah ke Singapura semasa zaman pemerintahan British untuk memulakan penghidupan baharu.

Demikian juga dengan Pak Zubir. Terpanggil untuk melestarikan kehidupan dan minat seninya, pada 1928 ketika berusia 21 dengan hanya sedikit bekalan, Pak Zubir belayar ke Singapura dan berlabuh di Tanjong Pagar. Dari sana Pak Zubir menetap di daerah Kampong Jawa/Kampong Gelam. Beliau mendapat peluang bekerja dalam orkestra Bangsawan dengan bermain biola. Kemudian, Pak Zubir menjadi ketua orkestra Bangsawan tersebut dengan 14 ahli muzik dibawah pimpinannya. Dalam kumpulan Bangsawan inilah Pak Zubir banyak didedahkan kepada muzik pelbagai bangsa iaitu Cina, India, Arab, Eropah dan lain-lain kerana cerita-cerita Bangsawan ketika itu tidak tertumpu kepada cerita-cerita dari daerah Melayu sahaja. Dan beliau juga dapat menjelajah ke Malaya (sekarang Malaysia).

Setelah menyertai orkestra Bangsawan, Pak Zubir mendapat peluang bekerja sebagai penyelia sebuah syarikat rakaman piring hitam, HMV (His Master's Voice) pada 1935. Ini membolehkan Pak Zubir bertemu dan merakamkan lagu-lagu nyanyian ramai penyanyi dari pelbagai bangsa, dari dalam dan luar Singapura.

Lagu-lagu yang dirakamkan merupakan lagu-lagu Melayu, Cina dan Inggeris dan Pak Zubir terpaksa memahirkan dirinya melatih para pemuzik dan penyanyi dalam tugas tersebut. Pak Zubir berkhidmat dengan HMV sehingga Perang Dunia Kedua meletus. Pak Zubir berserta keluarganya meninggalkan Singapura buat sementara waktu dan pulang ke Sumatera untuk melindungi diri. Beliau sekeluarga pulang semula ke Singapura pada 1947.

Pak Zubir bekerja sebagai jurugambar setelah pulang ke Singapura. Pada 1949, bermulalah penceburan Pak Zubir dalam dunia filem Melayu apabila beliau berkhidmat dengan Shaw Brothers yang menerbitkan filem-filem Melayu di Jalan Ampas, Singapura. Beliau mencipta lagu untuk filem-filem Shaw Brothers dan mengenalkan suara latar (dubbing) untuk filem-filem Melayu. Pak Zubir kemudian lama berkhidmat dengan Cathay-Keris, sebuah badan penerbitan filem-filem Melayu, dari 1950 sehingga 1964.

Lagu-lagu ciptaannya semasa berkhidmat dengan Cathay-Keris mendapat sambutan ramai. Dan Pak Zubirlah yang mengenalkan muzik latar (background music) untuk filem-filem Melayu. Pak Zubir telah melibatkan diri sebagai penggubah lagu filem-filem Melayu mungkin melebihi 33 filem Melayu. Setelah bersara dari Cathay-Keris pada 1964, Pak Zubir bertugas sebagai guru muzik sepenuh masa sehingga ke akhir hayatnya pada 1987.

Pak Zubir, Lagu-lagu Patriotik dan Falsafah Seninya

Seorang insan yang kuat disiplinnya, bersungguh-sungguh, selalu berminat meningkatkan ilmu pengetahuan, rendah diri dan ramah, Pak Zubir tidak terpenggil untuk mencipta lagu-lagu yang kontang nilai-nilai budaya yang murni. Lantas, lagu-lagu patriotik, lagu-lagu kanak-kanak, malah lagu-lagunya untuk khalayak ramai pun disulami kata-kata dan nilai-nilai indah selain iramanya yang memikat. Beliau melihat muzik berperanan dan turut membentuk watak manusia demi kehidupan yang lebih baik.

Lagu Kebangsaan Singapura, 'Majulah Singapura', dicipta pada 1958 untuk Bandar Raya Singapura (Singapore City Council). Lagu 'Majulah Singapura' kemudian dimainkan semasa pembukaan rasmi Dewan Peringatan Victoria (Victoria Memorial Hall) pada 6 September 1958. Semasa Singapura berkerajaan sendiri pada 1959, lagu 'Majulah Singapura' dipilih oleh Dewan Perundangan Singapura (Singapore Legislative Assembly) sebagai lagu kebangsaan Singapura pada 11 November 1959.

Pilihan ini amat mengharu dan membanggakan Pak Zubir. Beliau menolak apa pun pemberian kewangan kerana sumbangannya ini dan menganggapnya sebagai hadiahnya untuk sebuah negara yang dicintainya. Lagu kebangsaan 'Majulah Singapura' ini bagi Pak Zubir adalah semacam doa dan harapan untuk negara dan masyarakat Singapura bukan hanya semasa ia diciptanya tetapi sepanjang masa.

Pada pendapat Pak Zubir, seni muzik ada peranannya dalam kehidupan dan peradaban manusia. Seperti pujangga silam kita, beliau yakin bahawa seni untuk bukan hanya menghibur tetapi juga mengajar. Dalam satu wawancara pihak Jurnal Jejak Kembara dengan Pak Zubir, yang diadakan di rumahnya, di 190A, Joo Chiat Place, pada 19 Oktober 1984, Pak Zubir menegaskan bahawa muzik itu bukanlah sesuatu yang melewakan atau menghilangkan tatasusila sesuatu bangsa atau masyarakat. Banyak yang perlu dipelajari dan didokumentasikan agar khazanah muzik kita tidak hilang begitu sahaja, menurut Pak Zubir.

Dan Pak Zubir juga berpesan bahawa walaupun angin perubahan itu akan muncul, bak kata pepatah, 'sekali ombak melanggar pantai, sekali tepian berubah', seseorang itu harus pandai menimbang dan memilih yang terbaik, seperti katanya dalam wawancara tersebut: "Begitu juga halnya dengan seorang pemain muzik, pencinta muzik, keadaan sekitar mungkin akan membantu pembentukan seorang ahli muzik, sama ada yang berfaedah atau yang merugikan. Hanya tepian atau pantai yang tahan lasak yang dapat menangkis gelombang yang datang. Dengan begitu, proses perkembangan muzik akan ikut berubah. Pengaruh dan perubahan akan tetap ada. Pokoknya, bagaimana kita memakai dan menggunakan perubahan itu. Ini mengkehendaki ketelitian dan kewarasan fikiran dan pertimbangan."

Seni bagi Pak Zubir bukan perkara remeh tetapi sesuatu yang boleh memperkayakan kehidupan dan menjadikan manusia dan masyarakatnya lebih harmoni, bersatu-padu dan saling menghormati, sebagaimana diserlahkan dalam sebilangan besar lagu ciptaannya. Beliau dibenturkan oleh budaya Minang dan Nusantara yang kaya dan disulami lagi oleh pelbagai budaya dan pengaruh yang ditemui dan dikajinya. Melalui ini dan meneliti kehidupan Pak Zubir, kita temui semangatnya yang gigih mencuba sesuatu yang baharu, keinginannya untuk berani belajar dan meningkatkan ilmu, ketulusannya kepada semua yang diakrabi dan ditemuinya serta kerendahan hati dalam memberi sumbangan seninya kepada masyarakat.

EPILOG

Pak Zubir telah diberi beberapa penghargaan kerana sumbangan seninya misalnya:

1. Sijil Penghargaan dan Bintang Perkhidmatan Awam pada 1962 kerana menjadi Penggubah Lagu Kebangsaan Singapura.
2. Sijil Kemuliaan dan Bintang Bakti Masyarakat pada 16 Mac 1963, daripada Yang Di Pertuan Negara Singapura, Encik Yusof bin Ishak.
3. Jasawan Seni, yang diberi oleh lapan pertubuhan budaya Melayu Singapura iaitu Persatuan Kebudayaan Melayu Singapura (PKMS), Perkumpulan Seni, Sriwana, Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), Angkatan Sasterawan '50 (Asas 50), Angkatan Pelukis Aneka Daya (APAD), Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS) Dan Taman Bacaan Pemuda Pemudi Melayu Singapura pada 1971.
4. Anugerah Sangeetha Kalabooshan diberi oleh Singapore Indian Film, Arts and Dramatic Society, pada 30 Mac 1974.
5. Anugerah Sri Budiman diberi oleh Sriwana pada 20 Disember 1980.
6. Anugerah Kebudayaan dan Komunikasi ASEAN pada 24 Ogos 1987.
7. Sebuah jalan dinamakan 'Zubir Said Drive' dan di nombor 1, Zubir Said Drive didirikan Sekolah Seni Singapura.
8. Anugerah Sepanjang Hayat daripada Compass (Persatuan Penggubah dan Penulis Singapura) diberikan setelah ketiadaan Pak Zubir, pada 17 April 1995. Dan sejumlah buku dan dokumentari mengenai Pak Zubir dan diterbitkan di Singapura dan Malaysia.

Semasa hayatnya Pak Zubir telah mencipta lebih 1000 lagu tetapi sebahagian besar telah hilang dan tidak didokumentasikan.

Beliau juga, seperti kebanyakan seniman silam kita dahulu, tidak mendapat royalti daripada sebilangan besar karya ciptaannya. Dan Pak Zubir tidak pernah menjadi kaya kerana penglibatan seninya tetapi menjadi 'kaya' dalam berkongsi ilmu, mendidik dan menyumbang dalam menambahkan kkazanah seni kita.

Ketulusannya dalam bidang senin serta keinginan teguhnya untuk melihat masyarakat, terutamanya anak-anak kita membesar dengan sopan, berani, berseni dan tidak melupakan budaya dan jati diri serta tidak mengenal erti putus asa, sering membumbui karya-karyanya.


Sebagaimana Pak Zubir Said melagukan dalam lagu 'Budi Yang Baik', yang diambil daripada pantun tradisional kita:

Pulau Pandan jauh di tengah,
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.

Pak Zubir Said meninggal dunia pada 16 November 1987 di Joo Chiat Place, Singapura. Namun, jasa dan budi baik beliau akan tetap dikenang bukan hanya untuk generasi ini tetapi generasi-generasi mendatang di Singapura dan daerah-daerah lainnya.

Rasiah Halil
13 Oktober 2023

Saya rasa ini satu usaha yang baik. Projek ini dapat memberikan inspirasi dan tauladan kepada pelajar dan orang ramai.



Lagu-lagu Bapak mengandung banyak pelajaran. Lirik-liriknya berunsur doa untuk orang-orang Singapura yang berbilang bangsa.

Kita boleh menjadikan lagu-lagu Bapak viral dalam media-media sosial seperti Facebook, Instagram dan Tik Tok. Perlu juga ada suatu badan yang boleh menguruskan usaha sama untuk mencapai inspirasi ini untuk warga Singapura yang muda dan kreatif.



Click to listen to the songs.
Klik untuk mendengar lagu.

ANGGERIK SINGAPURA

Lagu: Zubir Said

Suryana

Bunga angerik Singapura
Sungguh masyhur di dunia
Warna indah beraneka
Jadi kenangan berbuatnya

Reyza

Bunga angerik Singapura
Sungguh masyhur di dunia
Warna indah beraneka
Jadi kenangan berbuatnya

Reyza & Suryana

Bunga angerik Singapura
Sungguh masyhur di dunia
Warna indah beraneka
Jadi kenangan berbuatnya
Warna indah beraneka
Jadi kenangan berbuatnya

BERGOTONG-ROYONG

Lagu: Zubir Said

Suryana

Mari semua sama-sama
Bergotong-royong
Tua dan muda kecil besar
Tolong menolong
Segala-gala kerja berat
Menjadi ringan
Itulah rukun masyarakat
Kampung halaman

Di zaman dulu, memang dah diamalkan
Dengan muafakat semua boleh dikerjakan

Marilah kita kerjasama
bergotong-royong...

Reyza

Mari semua sama-sama
Bergotong-royong
Tua dan muda kecil besar
Tolong menolong
Kata pepatah: kerja baik
Kita berhimbauan
Kerja yang berat berhamburan
Dan berdatangan

Di zaman dulu, memang dah diamalkan
Dengan muafakat semua boleh dikerjakan

Marilah kita kerjasama

BUDI YANG BAIK

Lagu: Zubir Said

Tok Juara

Pulau Pandan jauh di tengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancurlah badan dikandung
tanah
Budi yang baik dikenang juga

Tok Juara & Awok2

Pisang emas bawa belayar
Masak Satu di dalam peti
Berhutang emas boleh dibayar
Berhutang budi terbawa mati

Awok2

Pulau Pandan jauh di tengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancurlah badan dikandung
tanah
Budi yang baik dikenang juga

Tok Juara & Awok2

Pisang emas bawa belayar
Masak Satu di dalam peti
Berhutang emas boleh dibayar
Berhutang budi terbawa mati

Awok2

Pulau Pandan jauh di tengah
Gunung Daik bercabang tiga
Hancurlah badan dikandung
tanah
Budi yang baik dikenang juga

Tok Juara & Awok2

Pisang emas bawa belayar
Masak Satu di dalam peti
Berhutang emas boleh dibayar
Berhutang budi terbawa mati
Marilah kita berbudi bahasa

KATA BERLAWAN

Lagu: Zubir Said

Bella

Air dan api, hidup dan mati
Tangan dan kaki, petang dan pagi

Suryana

Jauh dan dekat, panjang dan singkat
Cair dan pekat, jarang dan rapat

Suryana & Bella

Putih dan hitam, siang dan malam
Masin dan masam, cetek dan dalam

Suryana

Terang dan gelap, ganjil dan genap
Bising dan senyap, kering dan lembap

Bella

Air dan api, hidup dan mati
Tangan dan kaki, petang dan pagi

Suryana & Bella

Jauh dan dekat, panjang dan singkat
Cair dan pekat, jarang dan rapat
Putih dan hitam, siang dan malam
Masin dan masam, cetek dan dalam

Bella

Terang dan gelap, ganjil dan genap

Suryana

Bising dan senyap, kering dan lembap

LAGU SELAMAT

Lagu: Zubir Said

Syahriszuan

Selamat selamat panjang umurnya

Semoga murah rezeki

Selamat selamat panjang umurnya

Semoga bertemu lagi

Selamat selamat panjang umurnya

Semoga berbahagia

Selamat selamat panjang umurnya

Semoga tambah mulia

ORANG SINGAPURA

Lagu: Zubir Said

Syah

Kalau sudah jadi Orang Singapura
Mesti mahu baik, berbudi bahasa

Syah & Bella

Mesti tahan lasak, kuat berusaha
Cukup tatatertib, hormat orang tua

Syah & Bella

Barulah orang segan, hormat pada kita
Bolehlah dinamakan Orang Singapura

Reyza

Jikalau bekerja, janganlah kepalang
Sanggup tanggungjawab, jangan curi tulang

Suryana

Taat dan setia kepada negara
Dan begitu pula pada agama

Reyza & Suryana

Begitu hidup kita, hidup sama-sama
Barulah kita bangsa, Orang Singapura

Ramai-ramai

Barulah orang segan, hormat pada kita
Bolehlah dinamakan Orang Singapura
Begitu hidup kita, hidup sama-sama
Barulah kita bangsa, Orang Singapura
Bersungguh sampai jaya, jangan pura-pura
Baru orang percaya, Orang Singapura

PANTUN

Lagu: Zubir Said

Bella

Timang tinggi-tinggi
Sampai cucur atap
Belum tumbuh gigi
Pandai baca kitab

Satu dua tiga
Enam lima empat
Kalau cukup jaga
Tentu boleh dapat

RAM-RAM PISANG

Lagu: Zubir Said

Bella

Ram-ram pisang
Pisang masak sebiji
Ram-ram pisang
Pisang masak sebiji
Oh Nenek, Oh Nenek
Rumah Nenek hendak roboh
Keretik, keretik Keredam!

Syahrizuan

Ram-ram pisang
Pisang masak sebiji
Ram-ram pisang
Pisang masak sebiji
Oh Nenek, Oh Nenek
Rumah Nenek hendak roboh
Keretik, keretik Keredam!

Syahrizuan & Bella

Ram-ram pisang
Pisang masak sebiji
Ram-ram pisang
Pisang masak sebiji

SEMOGA BAHAGIA

Lagu: Zubir Said

Reyza

Sama-sama maju ke hadapan
Pandai cari pelajaran
Jaga diri dalam kesihatan

Serta sopan-santun dengan kawan-kawan

Reyza & Bella

Dengan hati bersih serta suci
Sama-sama hormat dan berbudi

Reyza & Suryana

Jaga tingkah pemuda-pemudi
Adat dan budaya junjung tinggi

Reyza, Bella & Suryana

Capailah lekas cita-cita
pemudi-pemuda
Supaya kita ada harga di mata dunia

Syah

Sama-sama maju ke hadapan
Pandai cari pelajaran
Jaga diri dalam kesihatan

Serta sopan-santun dengan
kawan-kawan

SINGAPURA PERMAI

Lagu: Zubir Said

Ramai-Ramai

Singapura, Singapura...

Syah

Singapura, oh pulau indah istimewa
Di keliling laut, indah permai

Syah & Bella

Singapura, laksana permata delima,
Yang bermutu tinggi dan bernilai

Syah & Bella

Itulah negeriku, di situ hidupku
Hidup bahagia dan sentosa

Ramai-Ramai

Singapura, Singapura...

Suryana

Singapura, berpohon berdaun berbunga
Sungguh istimewa, indah permai

Reyza

Singapura, laksana permata delima
Yang bermutu tinggi dan bernilai

Ramai-Ramai

Itulah negeriku, di situ hidupku
Hidup bahagia dan Sentosa

Ramai-Ramai

Singapura, Singapura... Singapura...

PENGHARGAAN

MLLPC ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

1. Pengerusi, Dr Mohamed Maliki bin Osman
2. Dr Rohana Zubir dan Encik Sujono Zubir, anak-anak kepada arwah Encik Zubir Said
3. Kesatuan Guru Melayu Singapura (KGMS)
4. Universal Music Publishing Sdn Bhd
5. MS Tajudin Jaafar & LS Salha Mohamed Hussein
6. Cik Rasiah Halil
7. 6 Strings Studio
8. Bakat-bakat tempatan seperti Reyza Hamizan, Hanie Bella, Suryana Norrdin dan ShahReszuan

